

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 22.3.2016

SOALAN : NO. 15

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah hutang tertunggak yang belum dibayar oleh peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga tahun 2015 dan apakah inisiatif-inisiatif yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan peminjam melangsaikan hutang mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2015 seramai 1,879,460 peminjam perlu membayar balik PTPTN berjumlah RM15.33 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,216,477 atau 64.72% peminjam telah mula membayar balik dengan amaun kutipan sebanyak RM7.14 bilion atau 46.56%. Bilangan peminjam yang masih gagal membuat bayaran balik ialah seramai 662,983 orang melibatkan amaun berjumlah RM5.40 bilion manakala RM2.79 bilion baki tertunggak kerana membuat bayaran balik lebih rendah daripada ansuran yang ditetapkan.

Pelbagai strategi dilaksanakan bagi meningkatkan kutipan balik antaranya:

- i. Penggunaan media massa dan media baru untuk hebahan mengenai kewajipan bayaran balik, maklum balas kepada pertanyaan, aduan dan info terkini;
- ii. Taklimat di institusi kerajaan dan swasta secara berkala;

- iii. Taklimat kepada pelajar tahun akhir IPTA bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan agihan buku "Pengurusan Kewangan Peribadi" secara percuma (Okt 2011 – Okt 2014);
- iv. Pemberian diskaun 20% bagi penyelesaian hutang secara sekaligus (1 Okt 2012 – 30 Sept 2013 dan 10 Okt 2014 – 31 Mac 2015);
- v. Pemberian diskaun 10% bagi pembayaran mengikut jadual, khususnya potongan gaji (1 Okt 2012 – 31 Dis 2015);
- vi. Membenarkan penstrukturan semula hutang sehingga maksimum umur tidak melebihi 60 tahun;
- vii. Menyediakan kemudahan bayaran melalui Maybank, CIMB, Bank Islam, Public Bank, RHB Bank, AmBank, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, Agro Bank, Affin Bank dan Pos Malaysia;
- viii. Membuka 74 cawangan PTPTN di seluruh negara termasuk di UTC, Tesco dan Giant dengan waktu kerja fleksibel serta kemudahan bayaran tanpa tunai (melalui kad ATM, Kad Debit dan Kad Kredit);
- ix. Menyenaraikan peminjam dengan Jabatan Imigresen Malaysia;
- x. Melaksanakan tindakan undang-undang; dan
- xi. Mengiklankan nama peminjam tegar di akhbar (dilaksanakan pada 2006 & 2007).